

BERITA HARIAN, SABTU, 24 APRIL, 1982

Asri: Pas bertapak semula di Kelantan

KOTA BHARU, Jumaat
Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda mensifatkan kejayaan parti itu memenangi 10 kerusi Dewan Undangan Negeri dan empat kerusi Parlimen di Kelantan sebagai tapak permulaan PAS untuk bertapak semula di negeri ini.

Bagaimanapun, ketika diminta mengulas tawaran ulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada PAS untuk menyertai semula BN, beliau menjelaskan:

"Soal itu tidak timbul. Kita baru sahaja selesai menghadapi pilihanraya dan masing-masing mempunyai tugas penting untuk dilaksanakan.

"Tugas parti kerajaan ialah membentuk kerajaan, menyusun dasar-dasar negara sesudah Perdana Menteri mendapat mandat baru dari rakyat, bukan lagi mandat pinjaman, untuk digunakan sebaik mungkin"

"Bagi PAS, kami perlu meninjau kembali dan mengadakan post-mortem berhubung pilihanraya yang baru selesai," tambahnya ketika ditemui di sini hari ini.

Belliau juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir kerana kemenangannya dan berharap beliau dapat menjalankan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.